



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 66  
No. 13

**31hb Mac 2022**

*TAMBAHAN No. 38  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 82.**

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PELESENAN)  
(PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 179 Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2022.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Pelesenan) 2007 [P.U. (A) 432/2007], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2, dalam tafsiran “pemegang syer asing”, dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965 [Akta 125]” dengan perkataan “Akta Syarikat 2016 [Akta 777]”.

**Pindaan peraturan 4**

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (2)(g), dengan menggantikan perkataan “seksyen 122A Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “seksyen 197 Akta Syarikat 2016”; dan
- (b) dengan menggantikan perenggan (2)(i) dengan perenggan yang berikut:
  - “(i) akaun terkini yang telah diaudit, perlumbagaan syarikat dan salinan dokumen yang diperakur di bawah seksyen 17, 46, 58 dan 78 Akta Syarikat 2016 yang telah difailkan oleh pemohon dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan”.

**Pindaan peraturan 7**

4. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:
  - “(1) Sesuatu lesen individu yang diberikan adalah sah—
    - (a) bagi suatu tempoh tidak melebihi sepuluh tahun dari tarikh pemberian atau pembaharuan lesen individu itu bagi permohonan yang dibuat di bawah perenggan 4(4)(a) atau perenggan 4(4)(b); atau
    - (b) bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun dari tarikh pemberian atau pembaharuan lesen individu itu bagi permohonan yang dibuat di bawah perenggan 4(4)(c) atau perenggan 4(4)(d).”;
  - (b) dalam subperaturan (2), dengan memotong perkataan “tiga tahun”; dan
  - (c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “tiga tahun tersebut” dengan perkataan “yang disebut dalam subperaturan (1)”.

**Pindaan peraturan 12**

5. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan—

- (a) dalam perenggan (1)(l), dengan menggantikan perkataan “memindah milikkan” dengan perkataan “memindahmilikkan”; dan
- (b) dalam perenggan (5)(b) dengan menggantikan perkataan “memindahmilikan” dengan perkataan “memindahmilikkan”.

### **Pindaan peraturan 16**

6. Perenggan 16(g) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “memindah milikkan” dengan perkataan “memindahmilikkan”; dan
  - dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “Akta Syarikat 2016”.

### **Pindaan Jadual Pertama**

7. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Borang A berhubung dengan kepala A. BUTIR-BUTIR PEMOHON *PARTICULARS OF APPLICANT* dengan menggantikan butiran 4 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

- “4. Butir-butir pegangan saham pemohon\*  
*Particulars of shareholding of the applicant\**

Nama <i>Name</i>	No. KPPN/ No. Pasport/ No. Syarikat/ <i>NRIC No./ Passport No./ Company No.</i>	Alamat <i>Address</i>	Nombor & % saham yang dipegang <i>Number and % of share held</i>	
			Langsung <i>Direct</i>	Tidak <i>Indirect</i>

\* Sila nyatakan pemegang syer benefisial utama dan juga pemegang syer asing dan tempatan

\* *Please indicate ultimate beneficial shareholder and also indicate foreign shareholders and local shareholders.”.*

### **Pindaan Jadual Ketiga**

8. Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Borang B—
- dengan menggantikan perkataan “Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi” dengan perkataan “Menteri Alam Sekitar dan Air”; dan
  - dengan menggantikan perkataan “Minister of Energy, Water and Communications” dengan perkataan “Minister of Environment and Water”.

**Pindaan Jadual Keempat**

9. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Borang C—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi” dengan perkataan “Menteri Alam Sekitar dan Air”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “*Minister of Energy, Water and Communications*” dengan perkataan “*Minister of Environment and Water*”.

Dibuat 30 Mac 2022

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1 KLT.3; PN(PU2)660/Jld. 15]

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN  
*Menteri Alam Sekitar dan Air*